



KEMENTERIAN KERJA RAYA  
MALAYSIA

# KENYATAAN MEDIA

## LAWATAN KERJA PROJEK INFRASTRUKTUR KAWASAN TEMERLOH, PAHANG

**Temerloh** – Pembangunan Infrastruktur untuk rakyat di kawasan Temerloh, Pahang diteruskan Kerajaan melalui pelaksanaan projek-projek pembangunan Kementerian Kerja Raya (KKR). Bagi meninjau kemajuan kerja projek-projek tersebut, satu lawatan kerja oleh Timbalan Menteri Kerja Raya, YB Tuan Haji Mohd Anuar Bin Mohd Tahir yang juga merangkap Ahli Parlimen Temerloh telah diadakan hari ini.

Lawatan pertama adalah lokasi cadangan kepada Projek Menaiktaraf Jambatan Sultan Haji Ahmad Shah yang akan dinaiktaraf daripada dua lorong kepada empat lorong. Jambatan ini terletak di Jalan Persekutuan FT02 yang menghubungkan Karak ke Maran dan seringkali sesak dengan kenderaan terutamanya pada waktu puncak dan musim perayaan.

Skop projek dengan anggaran kos sebanyak RM160 juta ini adalah pembinaan jambatan baharu bersebelahan jambatan sedia ada sepanjang 685 meter, menaiktaraf jalan tuju sepanjang 1.5 kilometer serta membina sistem saliran. Projek ini telah diluluskan di dalam *Rolling Plan 3* di bawah Rancangan Malaysia ke 11. Walaubagaimanapun pelaksanaan fizikal projek ini tertakluk kepada kajian kos projek sebagaimana yang diarahkan oleh Agensi Pusat.

Lokasi lawatan kerja kedua pula ialah Projek Menggantikan Jambatan Sedia Ada di Jalan Persekutuan FT098 yang merentasi Sungai Semantan dan merupakan projek dibawah Rancangan Malaysia Kesebelas (RMKe – 11) bagi Negeri Pahang.

Projek ini bertujuan untuk mengganti jambatan sedia ada yang tidak lagi sesuai dengan isipadu trafik pada masa kini dan perlu diganti. Pembinaan projek ini telah dimulakan pada 1 Ogos 2016 dan tarikh siap dijangka pada awal tahun 2019. Skop pembinaan projek ini meliputi penggantian jambatan sediada dengan jambatan baharu, pengalihan utiliti dan kerja membaikpulih jalan – jalan masuk ke kampung.

Pelaksanaan projek ini melibatkan kos berjumlah RM15.6 juta dengan piawai jalan R5. Pihak kontraktor ini dibawah seliaan dan pemantauan Jabatan Kerja Raya (JKR) Daerah Temerloh. Terdahulu, taklimat kedua-dua projek ini telah disampaikan kepada Timbalan Menteri Kerja Raya di Pejabat JKR Daerah Temerloh yang turut dihadiri Pengarah JKR Pahang, YBhg, Dato' Ir. Abdul Jalil Muhamed.

Kerja-kerja menaiktaraf infrastruktur jalanraya ini amatlah penting dalam memberikan keselesaan sewaktu pemanduan dan meningkatkan tahap keselamatan para pengguna jalanraya bersesuaian dengan moto KKR, 'Kesejahteraan Kepada Rakyat'.

**KEMENTERIAN KERJA RAYA**  
**20 JULAI 2018**